



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

## LAPORAN LIPUTAN MEDIA

**SELASA, 4 MEI 2021**

<b>1</b>	Malaysia tidak sekat daging dari India
<b>2</b>	Beri makan 100 kucing jalanan
<b>3</b>	Abandoned cats find a saviour
<b>4</b>	Price controls not efficient

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4.05.2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	10

## Malaysia tidak sekat daging dari India

**PUTRAJAYA** - Malaysia belum memutuskan untuk menyekat kemasukan bekalan daging lembu dan produk berasaskan makanan dan ternakan yang dimport dari India kerana tiada kontaminasi jangkitan Covid-19 dilaporkan, kata Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Norlizan Mohd Noor.

Beliau berkata, Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah menjalankan ujian makmal terhadap 400 sampel produk makanan dan ternakan sejak pandemik Covid-19 melanda negara dan keputusan ujian semuanya adalah negatif.

“Kita belum putuskan untuk hentikan import daging dari India atas dua sebab iaitu sumber daging yang diimport adalah hanya dari rumah sebelah yang diluluskan oleh kerajaan dan ia sentiasa dipantau.

“Keduanya, secara saintifik virus Covid-19 tidak boleh meresapi ke dalam sel haiwan dan pemantauan terhadap semua produk yang masuk

mendapati tiada kontaminasi jangkitan Covid-19 terhadap produk serta bungkusannya,” katanya selepas majlis pelancaran Program My Best Buy Aidilfitri oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee di sini pada Isnin.

Sementara itu, Norlizan berkata, Jabatan Perkhidmatan Veterinar bersama Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) akan terus memantau produk makanan dan ternakan yang dibawa masuk ke negara ini.

“Setiap produk yang masuk akan diperiksa dengan sampelnya akan dibawa ke makmal. Proses pemeriksaan untuk kita tahu sama ada sesuatu produk itu mempunyai jangkitan tidak akan ambil masa tiga hari,” ujarnya.

Katanya, orang ramai tidak perlu bimbang dengan kemasukan produk makanan dan ternakan dari negara luar kerana ia sentiasa dipantau oleh pihak berkuasa. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4.05.2021	HARIAN METRO	LOKAL	20

**Kota Bharu:** Hampir setiap petang Nor Izyan Syahida Rosli akan berkunjung ke Pantai Cahaya Bulan.

Gadis berusia 26 tahun ini bukan figura terkenal ataupun selebriti, namun kehadirannya amat dinantikan ratusan 'peminat' setia di lokasi berkenaan.

Sejak setahun lalu, menjadi rutin harian Nor Izyan Syahida datang bersama 'buah tangan' buat peminatnya iaitu lebih 100 kucing jalanan yang rata-rata dibuang pemilik asal, malah ada yang sakit dan amat memerlukan rawatan.

Bercakap kepada Bernama, *self feeder and rescuer* (pemberi makanan dan penyelamat persendirian) kucing jalanan, Nor Izyan Sya-

## Beri makan 100 kucing jalanan

hida berkata, kali pertama beliau datang ke lokasi itu kira-kira setahun yang lalu ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), dua kilogram makanan kucing yang dibawanya habis dalam tempoh singkat.

"Ketika itu, saya lihat sendiri bagaimana kucing di sini mencari makanan, ada yang menyelongkar tong sampah di sekitar lokasi ini, tetapi makanan tidak ada. Tersentuh melihat perkara itu, saya teruskan aktiviti memberi makanan dan minuman kepada kucing di sini sehingga hari ini," katanya.

Perlu berulang-alik ki-

ra-kira 24 kilometer dari rumahnya di Kampung Langgar ke lokasi berkenaan serta meluangkan masa dua jam dalam kehidupan hariannya untuk aktiviti itu, Nor Izyan Syahida tidak kisah asalkan niat membantu mamalia itu dapat dicapai.

"Bantuan untuk makanan

kucing disumbangkan oleh *Dady Oyen Strays Malaysia*, mereka akan agihkan kepada *feeder dan rescuer* kucing jalanan di seluruh negara termasuk kepada saya.

"Selain itu, sumbangan turut diterima daripada orang awam yang terpenggil untuk turut sama menyalurkan bantuan kepada kucing jalanan di sini dan secara purata sejumlah RM150 diperlukan sehari untuk membeli makanan basah dan kering buat kucing di sini, tidak termasuk ubat-ubatan," katanya yang mendapat sokongan kuat ahli keluarganya menjalankan aktiviti itu.



NOR Izyan memberi makanan kepada sekumpulan kucing jalanan di Pantai Cahaya Bulan, Kota Bharu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4.05.2021	THE STAR	NATION	12

# Abandoned cats find a saviour

Young grad feeds and provides treatment to the pets dumped by owners

**KOTA BARU:** Almost every evening, Nor Izyan Syahida Rosli will be at Pantai Cahaya Bulan, and while she may not be a celebrity, her appearance is much awaited by dozens of her loyal fans.

It has become the routine for Nor Izyan, 26, to visit the beach with an armful of gifts for more than 100 stray cats, some sickly and in need of treatment, that have been abandoned by their owners.

This cat feeder and rescuer said she started to feed the cats about a year ago.

"The first time I came here, I brought along 2kg of cat food, and it was snapped up in a very short time.

"At that time, too, I saw how the cats here searched for food, some scavenging through trash bins, but there was no food. It touched me and since then, I have been coming here often to feed the cats," she said.

Nor Izyan, from Kampung Langgar about 24km from the beach, said she would always spend about two hours at the beach to feed the cats.

"The cat food is contributed by Dady Oyen Strays Malaysia which distributes it to stray cat feeders and rescuers nationwide, including me," she added.

A graduate of Universiti Malaysia Sabah (UMS) who holds a bachelor's degree with honours in Social Science (International Relations), also provides treatment to the cats.

"Apart from food, I also bring medicines such as antibiotics, painkillers, vitamins, immune boosters and supplements as there are some (cats) that need treatment for diseases such as flu, fever, eyesore, diarrhoea, ringworm, as well as those affected by sporotrichosis and parvovirus.

"If the cat has mild symptoms of pain, I will treat it myself, but if the disease is severe, I will take it home and then take it to the veterinary clinic," she added.

After a year of feeding and rescuing stray cats, Nor Izyan said she would continue to do so and hoped that the public would be more sensitive and not dump cats. — Bernama



**Feline friendly:** Nor Izyan happy to see her furry friends at Pantai Cahaya Bulan in Kelantan. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4.05.2021	NEWS STRAITS TIMES	LETTERS	15

## CHICKEN PRICES

# PRICE CONTROLS NOT EFFICIENT

**I**N response to the rise in chicken prices, the government has implemented price controls to regulate the maximum purchase price, with the maximum price of poultry meat capped at RM790 per kg at the retail level.

Failure to adhere to these regulations will result in charges of profiteering and a fine of up to RM100,000, and a possible jail sentence of up to three years.

Despite price controls, history tells us that these measures are effective only in the immediate short term and will produce inefficiency in the medium and long terms.

A prolonged period of price control will disrupt the efficiency of the supply chain, where price signals fail to encourage production at the producer level, thus keeping supply non-commensurate with market demand.

Moreover, it acts as a signal for producers to cut production if the cost per chicken is higher than its allowed selling price.

In addition, this control gives incentive to delay shipments and the hoarding of supplies until after these measures are lifted, resulting in shortages in the near term.

Making matters worse, once supplies are used up, there is always the possibility of a black market forming.

Even more problematic, price controls leave honest wholesalers with smaller margins, resulting in lower market coverage and a reluctance to supply retailers.

According to wholesalers, due to the higher costs faced in procuring broiler chickens, some endure a loss of RM1 for every chicken sold, forcing them to either limit their selling or renegotiate trading terms with



*Price controls are effective only in the immediate short term, and they produce inefficiency in the medium and long terms. FILE PIC*

poultry farmers.

Therefore, instead of a strict single-price control, authorities could opt for a regulated profit margin for each player in the supply chain.

This would allow price mechanisms to function as intended and allow market players to remain profitable.

As it may not be possible to inspect all players, a secure complaint hotline may be established where investigations can be performed as needed.

In addition, authorities should limit the hoarding of poultry supply to the market by invoking section 21 of the Price Control and Anti-Profitteering Act

2011, requesting documents and statistics relating to the supply and storage of goods to ensure that supplies are not restricted without valid reason.

In the long term, efforts should be made to produce a bi-weekly list of prices in urban and rural areas that detail the highest, lowest, average and median prices of such goods in the supply chain, from the farmer to the retailer.

Moreover, a long-term plan should include a ministerial audit into the poultry industry, including qualitative interviews with farmer, wholesaler and retailer groups to determine the extent of anti-competitive behaviour in the industry, while taking action against unscrupulous market players and promoting market competition.

Lastly, at the federal level, the government should ensure an adequate supply of livestock feed.

In this regard, a government allocated fund could be established to subsidise farmers in times of high international price inflation.

This fund should be tapped only during times of distress amid sharp increases in international prices and not be abused to stockpile animal feed in anticipation of higher resale prices.

While price controls are necessary in the immediate term, they are nonetheless powerless to stop inefficiencies from occurring, being only a temporary solution to a larger problem.

Ultimately, the role of the government is to balance the needs of the market and consumers, ensuring that no one is left behind.

### **QARREM KASSIM**

Senior economist  
Institute of Strategic Analysis and Policy  
Research (Insap)